



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN DAN HARI KELUARGA WARGA PUTRAJAYA MENJADI PROGRAM TAHUNAN SHWP

PUTRAJAYA, 21 Februari 2016 – Kenduri 1Wilayah Persekutuan (1WP) Peringkat Putrajaya yang diadakan di Kompleks Futsal 1Malaysia P18, Putrajaya dihadiri kira-kira 5000 orang warga Wilayah Persekutuan Putrajaya. Program ini diadakan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 (SHWP) 2016 yang disempurnakan oleh YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan.

2. Program ini bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara komuniti khususnya di WP Putrajaya selain dapat bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan. Selain itu, menerusi Kenduri 1WP ini juga turut menjadi medium bagi memperkukuhkan persefahaman, perpaduan dan ukhuwah sesama warga Wilayah Persekutuan khususnya bagi komuniti WP Putrajaya. Hubungan antara pemimpin dengan masyarakat terjalin mesra dengan penglibatan secara langsung YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Isteri yang juga merupakan ahli Parlimen WP Putrajaya dalam program gotong-royong seumpama ini.

3. Kompleks Futsal 1Malaysia Putrajaya, merupakan lokasi sama seperti tahun-tahun sebelum ini bagi program Kenduri 1WP dan Hari Keluarga Warga Putrajaya. Kawasan di sekitar kompleks yang mempunyai fasiliti yang lengkap turut menjadi pendorong kepada warga Putrajaya untuk sama-sama menjayakan program pada hari ini. Pelbagai aktiviti turut dijalankan yang telah bermula dari hari Sabtu lagi seperti

aktiviti *street* dakwah, gotong-royong kebersihan anti denggi, senamrobik, acara sukaneka kanak-kanak, pertandingan futsal, persembahan pentas, pemeriksaan kesihatan percuma mata, telinga dan hidung (ENT) oleh 20 orang doktor pakar dan juga gotong-royong memasak juadah kenduri oleh warga Putrajaya. Melalui konsep gotong-royong yang diterapkan dalam program Kenduri 1WP ini, warga Putrajaya berpeluang untuk merasai kemeriahan suasana kenduri sambil menjamu selera dengan juadah yang dimasak sendiri secara beramai-ramai. Malahan konsep gotong-royong ini juga dapat menceriakan lagi warga kota khususnya di Putrajaya.

4. Pada hari ini penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang turut disampaikan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan kepada pelajar-pelajar UPSR dan PT3 yang mendapat keputusan cemerlang pada tahun 2015. 290 orang pelajar UPSR menerima sumbangan sebanyak RM100 setiap seorang. Manakala seramai 173 orang pelajar PT3 pula masing-masing menerima sumbangan sebanyak RM150. Semua sumbangan kepada para pelajar cemerlang ini terus dikreditkan ke dalam buku simpanan Tabung Haji bagi yang beragama Islam manakala secara tunai kepada mereka yang bukan Islam. Cabutan bertuah pula adalah sebanyak 696 hadiah yang akan dibawa pulang oleh warga Putrajaya yang bertuah pada hari ini. Ini termasuk sebuah kereta PROTON PREVE.

5. Diharapkan melalui program yang bermanfaat ini, warga Wilayah Persekutuan khususnya warga Putrajaya dapat mengukuhkan hubungan akrab, meningkatkan semangat kebersamaan dan kekitaan antara satu sama lain bagi membentuk masyarakat sejahtera dan ceria. Selain itu program ini juga dapat menyuntik semangat sayang dan rasa cinta kepada Wilayah Persekutuan dalam usaha memastikan keharmonian serta perpaduan warga Wilayah Persekutuan terus dikekalkan bagi kebaikan dan kesejahteraan bersama.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
Putrajaya, 21 Februari 2016